



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

**GARIS PANDUAN
DANA PENYELIDIKAN KESIHATAN FAKULTI
PERUBATAN UKM**

1.1. PENGENALAN

Dana Penyelidikan Kesihatan diperkenalkan buat pertama kali oleh Fakulti Perubatan UKM dan dibuka kepada seluruh warga akademik UKM, secara kompetitif.

1.2. OBJEKTIF

Tujuan dana ini adalah untuk memberi peluang kepada semua penyelidik yang layak daripada pelbagai fakulti di UKM bagi mendapatkan dana penyelidikan yang dibuka. Proses saringan yang lebih meluas dan terperinci iaitu di peringkat universiti perlu dilakukan untuk menjadikan geran ini bersifat kompetitif. Secara tidak langsung ianya akan diambil kira oleh MyRA

1.3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Geran ini terbuka kepada semua kakitangan akademik aktif UKM
2. Penglibatan penyelidik bersama sekurang-kurangnya satu (1) orang dari Fakulti Perubatan (sekiranya Ketua Projek bukan dari Fakulti Perubatan)
3. Siling peruntukan yang dimohon adalah RM 25,000.00
4. Tema penyelidikan berkaitan perubatan dan kesihatan
5. Setiap pemohon dibenarkan untuk mengemukakan hanya satu (1) permohonan projek sahaja pada setiap fasa pembukaan geran.
6. Pemantauan projek penyelidikan akan dilaksanakan setiap tahun
7. Penghargaan kepada geran penyelidikan mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan dan pada kedudukan yang pertama.
8. Penyelidikan rentas disiplin adalah digalakkan.

1.4. TEMPOH PENYELIDIKAN

Jangkamasa projek adalah dua (2) tahun.

1.5. TATACARA PERMOHONAN

- i. Pemohon perlu mengisi borang permohonan geran yang boleh didapati di laman web Sekretariat Penyelidikan & Inovasi (SPI) <https://www.ukm.my/spifper/healthresearchfund>
- ii. Permohonan perlu dikemukakan kepada SPI Fakulti Perubatan di alamat emel: nurazilah.mohamed.sallehulldin@ppukm.ukm.edu.my sebelum atau pada tarikh tamat permohonan sebagaimana yang ditetapkan. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

1.6. PERATURAN PERBELANJAAN

Penggunaan peruntukan adalah dibenarkan untuk item yang diluluskan di bawah kod perbelanjaan berikut:

- a) Vot 21000- Perjalanan dan Pengangkutan
 - i. Tuntutan perjalanan yang dibenarkan untuk pelajar sahaja dengan tujuan pengumpulan data dan menghadiri persidangan dalam negara. Kadar tuntutan adalah sebanyak RM0.40/km. Permohonan tuntutan perjalanan yang diluluskan perlu menggunakan

- ii. borang tuntutan perjalanan yang menyatakan kod projek dan ditandatangani oleh penyelia. Jumlah tuntutan perjalanan adalah tidak melebihi RM1, 000.00.
- b) **Vot 24000- Sewaan**
- i. Sewaan hanya dibenarkan untuk sewa ruang, peralatan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.
- c) **Vot 27000- Bekalan dan Bahan Penyelidikan**
- i. Bahan-bahan kimia dan bekalan penyelidikan pakai habis.
- d) **Vot 29000- Perkhidmatan Ikhtisas**
- i. Rawatan dan ujian yang melibatkan pesakit PPUKM khusus untuk penyelidikan. Permohonan mengikut kadar caj yang diluluskan oleh PPUKM (kadar caj boleh dirujuk di Unit Hasil & Taksiran, Jabatan Kewangan, PPUKM). Perlu perincian rawatan/ujian yang dijalankan.
 - ii. Honorarium/token kepada responden adalah dibenarkan (kadar bayaran adalah maksimum RM25 sahaja bagi setiap responden). Jumlah bayaran honorarium/token responden adalah tidak melebihi RM 1, 000.00
- e) **Perbelanjaan yang **TIDAK** dibiaya di bawah peruntukan Dana Penyelidikan Kesihatan**

1) Alat Tulis	10) Aset/Peralatan/Aksesori penyelidikan
2) Fotokopi	11) Pendrive/CD/External Hard disk
3) Urusan Pos (setem dsb)	12) Cetakan Jurnal
4) Laptop/iPad/Telefon bimbit dsbnya	13) Kad Prabayar/Bil Telefon
5) Dakwat pencetak	14) Jamuan ringan
6) Pencetak	15) Poster/pamphlet
7) Kertas A4	16) Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai
8) Elaun Makan	17) Yuran Persidangan/Seminar/Bengkel
9) Penginapan	18) Upah kepada pembantu penyelidik/GRA
	19) Bayaran honorarium kepada enumerator

1.7 HASIL PENYELIDIKAN

a) Penerbitan

Penyelidik perlu menghasilkan penerbitan satu (1) artikel dalam Jurnal Terindeks WOS (Q1-Q4). Penyelidik perlu meletakkan penghargaan kepada Dana Penyelidikan Kesihatan pada kedudukan yang pertama di dalam manuskrip penerbitan.

2.1 PENILAIAN

- a) Permohonan Dana Penyelidikan Kesihatan akan dinilai oleh panel penilai daripada pelbagai bidang yang dilantik oleh Fakulti Perubatan
- b) Keputusan panel penilai adalah muktamad

3.1 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN

- a) Bagi projek yang diluluskan, surat kelulusan akan dikeluarkan kepada ketua projek dan projek akan didaftarkan ke dalam SMPU

4.1. LAPORAN KEMAJUAN

- a) Penghantaran laporan kemajuan adalah melalui SMPU. Setiap ketua projek bertanggungjawab memastikan laporan kemajuan dihantar mengikut jadual yang ditetapkan.
- b) Laporan kemajuan perlu dihantar pada bulan Januari dan Julai pada setiap tahun.

Bulan	Tempoh penghantaran
Januari	1-31 Januari
Julai	1-31 Julai

Nota:

Laporan kemajuan setiap projek diuruskan melalui proses yang telah ditetapkan dalam SMPU. Kegagalan mematuhi tempoh penghantaran yang ditetapkan ini akan menyebabkan sekatan sistem terhadap peruntukan projek sehingga laporan kemajuan ini dikemukakan dan diperakukan oleh F//P

4.2. LAPORAN AKHIR

Laporan akhir perlu dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek. Penghantaran laporan akhir adalah melalui Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU).